

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
[SANDAKAN]**

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah plan induk untuk memajukan industri pelancongan negara memandangkan bilangan ketibaan pelancong ke Malaysia menurun sejak 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia telah mencatatkan peningkatan pendapatan pelancongan secara konsisten daripada tahun ke tahun walaupun trend ketibaan pelancong asing telah menurun. Pada tahun 2018, pendapatan pelancongan negara telah meningkat sebanyak 2.4% kepada RM84.1 bilion berbanding RM82.2 billion pada tahun 2017. Pendapatan pelancongan adalah merupakan indikator yang memberi kesan secara langsung kepada Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK.

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sentiasa berusaha untuk meningkatkan daya saing industri pelancongan negara di peringkat dunia. Justeru, Kementerian telah mengambil inisiatif dalam membangunkan Dasar Pelancongan Negara atau DPN 2020-2030. Dasar Pelancongan ini mempunyai agenda transformasi yang akan memfokuskan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan pendapatan negara, menggalakkan usaha kerjasama dan pelaburan, memperkasa

masyarakat setempat dan mengukuhkan daya tahan serta keamanan industri pelancongan negara.

Pelaksanaan Dasar Pelancongan Negara adalah berteraskan 3 elemen utama iaitu daya saing, lestari dan inklusif sebagai pemangkin kepada transformasi industri pelancongan negara. Terdapat 6 teras strategi utama yang telah dikenal pasti iaitu :

1. transformasi tadbir urus;
2. mewujudkan zon pelaburan pelancongan;
3. digitalisasi pelancongan;
4. meningkatkan pengalaman dan kepuasan pelancong;
5. memperkukuhkan komitmen terhadap pelancongan lestari; dan
6. meningkatkan kapasiti modal insan.

Bagi menjayakan usaha ini, penglibatan, sokongan dan kerjasama semua pihak berkepentingan di seluruh negara termasuklah sektor awam, swasta, badan bukan Kerajaan, komuniti setempat dan penggiat industri adalah penting bagi memastikan agenda transformasi ini dapat dicapai. Ini seterusnya dapat merealisasikan visi untuk memajukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dan kebudayaan bertaraf dunia di samping memperkasa, memelihara dan memulihara seni, budaya dan warisan negara.

Sekian, terima kasih.